



an elderly man sitting at a table in a restaurant, eating a meal.



Agong nikmati santapan tengah hari bersama PM

Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim berkenan meluangkan masa menikmati santapan tengah hari bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, di sebuah restoran asam pedas terkenal di Johor Bahru, Johor, semalam. Menerusi perkongsian di Facebook Sultan Ibrahim Sultan Iskandar, baginda berangkat menikmati santapan tengah hari itu selepas berkenan menerima menghadap Perdana Menteri di Istana Pasir Pelangi. Pemangku Sultan Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim turut berangkat sama ketika sesi menghadap dan santapan tengah hari itu.